

# Safe Kids Malaysia UPM menang anugerah



Dr Kulanthayan,  
semasa majlis  
penyampaian  
anugerah.

**SAFE** Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini telah dinobatkan pemenang Anugerah Kecemerlangan Komunikasi setelah mengatasi lebih 400 gabungan daripada lebih 30 negara.

Menurut Pengarah Eksekutifnya, Prof Madya Dr Kulanthayan KC Mani, anugerah berkenaan adalah sebagai pengiktirafan mengenai penerangan yang diberi melalui media berhubung penyampaian maklumat tentang kesihatan dan keselamatan kanak-kanak kepada masyarakat.

Anugerah itu disampaikan

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif *Safe Kids Worldwide*, Torine Creppy pada Konvensyen *Safe Kids Worldwide* di Baltimore, Amerika Syarikat, Julai lalu.

April lepas, *Safe Kids Malaysia UPM* mendapat pengiktirafan global, bersama-sama dua organisasi dari Afrika Selatan dan satu dari Afrika Barat, sebagai penerima Anugerah Keselamatan Jalan Raya FedEx 2017 daripada *Global Alliance of Non-governmental Organisations* berkaitan keselamatan jalan raya.